

## Perjuangan Tok Janggut: Satu Realiti kepada Kebangkitan Nasionalisme

oleh:

*Mohd bin Samsudin  
Universiti Kebangsaan Malaysia*

### Transkrip

Kerajaan Kelantan telah mengeluarkan beberapa helai notis kepada penentang-penentang British yang diketuai oleh Tok Janggut. Antara notis yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri Kelantan yang bertarikh 20 Mei 1915 meminta agar semua nama-nama penentang anti-British yang telah disenaraikan supaya menyerah diri. Tawaran wang juga diberi kepada sesiapa yang dapat menangkap atau menyerahkan mereka kepada kerajaan negeri dan jumlahnya berbeza-beza mengikut individu. Sebanyak \$ 500 telah ditawarkan kepada sesiapa yang dapat menangkap Tok Janggut.

### **Kenyataan Balai Besar Menawarkan Hadiah Kepada Sesiapa yang Dapat Menangkap Ungku Besar, Haji Mat Hassan dan Rakan-rakannya**

#### Perwawai Notis

“Bahwasanya adalah pada 12 haribulan Mei Duli Yang Maha Mulia Sultan telah titah (sic) hendaklah orang yang tersebut namanya dibawah ini menyerahkan dirinya di dalam masa 7 hari lamanya supaya boleh ia menjawab tentang perkara-perkara yang telah dituduh di atasnya.

Shahdan adapun mereka itu telah enggan daripada menyerahkan dirinya serta tiada memberi jawab di atas pertuduhan yang dituduh diatasnya.

Wabadahu oleh hal yang demikian pada amasa sekarang ini titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan memberi ketahui surat-surat adapun Duli Yang Maha Mulia itu akan kurniakan hadiah sebanyak \$500 kepada siapa-siapa yang dapat memberi membawa serahkan kepada mana-mana pegawai kerajaan mana-mana seorang daripada mereka yang tersebut dibawah ini walaupun mati atau hidup.

Engku Besar Tumpat duduknya Jeram

Haji Hasan Tok Janggut tempat duduknya Neriang

Penghulu Adam tempat duduknya Kelubi

Haji Said tempat duduknya Jerang Tuli

Haji Sahak tempat duduknya Nering

Termaktub di Balai Besar 20 haribulan Mei 1915

Sumber ANM, PB Kel 552/15

### **Sejarah Yang Membawa Kepada Pemberontakan**

Kebangkitan pemberontakan Tok Janggut menentang pihak British adalah merupakan suatu lambang penentangan penduduk Tanah Melayu terhadap kehadiran British yang mahu menguasai negeri-negeri Melayu. Beberapa pengkaji mengangkat Tok Janggut sebagai pahlawan Melayu yang sanggup bangun menentang dasar-dasar penjajahan British. Ketokohan Tok Janggut menyebabkan beliau diangkat oleh beberapa orang pengkaji seperti Nik Anuar Nik Mahmud sebagai seorang pejuang yang mahu membebaskan Kelantan daripada cengkaman penjajah bersesuaian dengan perisytiharan Jihad yang dikeluarkan oleh kerajaan Turki Uthmaniah terhadap British pada 11 November 1914. Malahan Nik Anuar telah merumuskan bahwa Tok Janggut dan pengikut-pengikutnya bukan penderhaka tetapi pejuang kemerdekaan.<sup>1</sup>

Persoalan utama mengenai kebangkitan Tok Janggut ini ialah sama ada usaha mahu meletakkan beliau sebagai tokoh yang memperjuangkan kemerdekaan adalah tepat atau tidak. Berbagai hujah yang diberikan sama ada tindakan yang dilakukan oleh Tok Janggut itu sebenarnya membuka kesedaran penduduk negeri Melayu untuk memperjuangkan kemerdekaan atau tidak. Sebaliknya lebih ramai sarjana bersetuju meletakkan Tok Janggut sebagai pemimpin tempatan yang menentang dasar British tetapi belum sampai untuk dinobatkan sebagai pejuang kemerdekaan. Ini kerana penentangan Tok Janggut bukan semata-mata menentang dasar cukai British tetapi juga dilibatkan juga dengan gerakan mahu menggulingkan Sultan.

Tindakan penduduk menentang British ada kaitan dengan langkah Britain campurtangan di negeri Kelantan dan Trengganu. Setelah British berjaya menguasai negeri-negeri Melayu Bersekutu, British mula mengalihkan pandangan untuk menguasai negeri-negeri Melayu di sebelah utara dan pantai timur Tanah Melayu. Kejayaan usaha British ada

---

<sup>1</sup> Nik Anuar Nik Mahmud, *Tok Janggut: Pejuang atau Penderhaka*, UKM, Bangi, 1999.

kaitan dengan pakatan Britan dan Siam untuk membahagikan negeri-negeri Melayu di utara. Patani yang terletak dibahagian utara Siam telah jatuh ke tangan Siam. Menjelang awal abad ke 20 Patani yang terkenal sebagai Serambi Mekah telah ditakluk oleh Siam dengan penyingkiran Tengku Abdul Kadir Kamaruddin yang merupakan raja Patani yang terakhir. Dalam bulan Mac 1909 Britain dan Siam telah menandatangani perjanjian bersama (Perjanjian Bangkok) yang memberikan kesan yang paling signifikan kepada masa depan Tanah Melayu. Melalui perjanjian ini British telah mengambil alih Kelantan, Trengganu, Kedah dan Perlis. Manakala Siam pula mengambil alih Patani, Menara, Jalor dan Setol. Pada 10 Mac 1909 British telah menghantar Sir John Anderson bagi memaksa Long Senik, Yang Dipertuan negeri Kelantan untuk menerima seorang penasihat British (*British Adviser*).<sup>2</sup> Dengan ini bermulalah pertapakan kerajaan British di negeri Kelantan.

Kehadiran British sebagai kuasa penjajah tidak dapat diterima oleh penduduk. Di Kelantan Tuan Haji Mat Hassan bin Panglima Munas atau lebih dikenali sebagai Tok Janggut yang tidak dapat menerima penguasaan British. Beliau dilahirkan di Kampung Saring pada tahun 1850, dibesarkan dalam istana Tengku Seri Maharaja Jeram. Tok Janggut telah diamanahkan oleh Syeikh Ahmad Al Fatani supaya berikhtiar membebaskan Patani daripada penjajahan barat. Kesedaran ini telah mepengaruhi Tok Janggut untuk memimpin penentangan terhadap British. Meskipun pemberontakan 1915 telah berlaku dan gagal membawa kejayaan yang dirancangkan tetapi semangat politiknya terus kekal.<sup>3</sup> Kekalahan penentangan 1915 disebabkan kekurangan tokoh yang bersedia memimpin.

### **Kesan Perang Dunia Pertama**

Peperangan Dunia Pertama yang meletus di erjah memberi kesan besar terhadap keadaan di Kelantan. Peperangan di Eropah melibatkan dua pakatan yang berperang, satunya Britain, Perancis dan Russia di satu pihak manakala Jerman, Austria dan Empayar Utamaniah di satu pihak. Perang yang meletus telah menarik perhatian pemerintah negeri-negeri Melayu untuk menyokong kerajaan Turki Uthmaniah. Halifah Turki Uthmaniah adalah khalifah bagi umat Islam serta penaung bagi tanah suci Mekah dan Madinah. Ia memberikan hubungan yang cukup kuat bagi penduduk Melayu bagi menyokong kerajaan Turki. Keadaan yang sama

<sup>2</sup> Sebagai ganjarannya dan untuk menarik perhatian Long Senik, pihak British mengiktiraf baginda sebagai Sultan Muhammad ke IV serta diberikan elauan sebanyak \$2,000 sebulan dan pencen sebanyak \$4,800. Sila rujuk Nik Anuar, *Tok Janggut*, hlm. 23.

<sup>3</sup> Ibid, hlm. 71.

berlaku di Kelantan apabila pemimpin agama khususnya telah memberikan sokongan kepada kerajaan Turki menyebabkan berlakunya perasaan menentang British.

Menyedari akan perkembangan sokongan penduduk Melayu terhadap pemerintah Turki, memaksa pihak British perlu cekap mengelakkan penduduk ini daripada menyokong Turki. Pada 21 November 1914, pihak British telah mengeluarkan enakmen melarang akhbar-akhbar tempatan menyiaran berita mengenai perperangan antara British dan Turki Uthmaniah. Gabenor Sir Arthur Young memainkan peranan penting mengeluarkan kenyataan bahawa kerajaan British tidak memusuhi umat Islam. Young menggunakan surat Aga Khan, ketua Mahzab Syiah yang menafikan perperangan antara Turki dan Britain semata-mata atas faktor agama. Di Kelantan pula, Langham-Carter, penasihat British telah mengadap Sultan Muhammad ke IV memaklumkan bahawa perperangan antara Britian dan Turki bukan atas faktor agama. Langham-Carter juga telah mendesak Sultan mengeluarkan kejyataan bahawa kerajaan kelantan akan berpihak dengan kerajaan Britain. Langkah ini perlu bagi membendung tindakan penduduk Kelantan daripada memusuhi pihak British serta menyokong Turki.

Pengisytiharan yang dibuat oleh Sultan Muhamamid IV sebenarnya gagal menghalang penduduk Kelantan daripada membincangkan perkembangan perang. Penduduk Melayu yang mempunyai latarbelakang persekolahan Arab di Asia Barat sentiasa mendapat maklumat terkini mengenai perkembangan yang berlaku di Eropah serta nasib kerajaan Turki. Tokoh-tokoh agama terus memberikan sokongan kepada kerajaan Turki serta percaya bahawa ia adalah sebahagian daripada tanggungjawab keagamaan. Di Kelantan, tokoh-tokoh agama seperti Tok Janggut memberikan sokongan kepada kerajaan Turki. Peristiwa pemberontakan sepoi India yang terdiri daripada orang India muslim daripada Pasukan 5th Light Infantry di Singapura pada 15 Februari 1915 membuka mata pemimpin dan penduduk di Kelantan. Pihak British menjadi semakin bimbang dengan perkembangan yang berlaku yang mampu menggugat kepentingan mereka di Tanah Melayu. Malahan ianya boleh membuka tindakbalas lebih besar dalam kalangan penduduk Melayu menentang kerajaan british.

Langkah pihak kerajaan Kelantan memihak kepada British dalam perperangan Dunia Pertama dan bukannya Turki mengecewakan Tok Janggut. Bagi Tok Janggut tindakan kerajaan Kelantan bertentangan dengan fatwa yang dikeluarkan oleh Shaykh-al-Islam yang mewajibkan semua umat Islam berjihad menentang British dan sekutunya. Atas faktor

kewajipan menyokong Turki mempengaruhi Nik Anuar mengatakan bahawa Tok Janggut telah mengambil kesempatan untuk menentang British di Kelantan. Pada 29 April 1915, Tok Janggut telah bermesyuarat dengan pengikutnya di rumah Tok Nik Bas di Kampung Tok Akib mengenai strategi menyerang British. Keputusan telah diambil untuk mengambil pemerintahan di Pasir Puteh serta mengisyiharkan jajahan merdeka daripada belengu British. Bertindak daripada maklumat, Encik Latiff, Pegawai Daerah Pasir Puteh telah mengeluarkan waran tangkap ke atas Tok Janggut dan rakan-rakannya. En latiff telah mengarahkan Sarjan Che Wan untuk menangkap Tok Janggut. Pada 29 April, Sarjan Che Wan bertemu dengan Tok Janggut meminta beliau menyerah diri. Walaubagaimanapun Tok Janggut enggan menyerah diri tetapi berlaku pergelutan yang membawa kepada kematian Sarjan Che Wan. Selepas insiden ini, Tok Janggut telah dianggap musuh paling merbahaya yang membawa kepada usaha penangkapan beliau.

Pihak British memberikan tumpuan serius bagi menagkap Tok Janggut kerana bimbang gerakan Tok Janggut akan menjadi lebih besar. Beberapa siri serangan telah dilakukan oleh pihak British ke atas kedudukan Tok Janggut. Akhirnya Tok Janggut telah diserang di Kampung Dalam Pupoh dan gugur bersama-sama Tok Abas dan Tok Hussein.

### **Hubung Kait Penentangan dengan Istana**

Sejarawan suka mengaitkan penentangan Tok Janggut dengan faktor dalaman. Antaranya menyatakan kebangkitan penentangan adalah disebabkan rasa tidak puashati penduduk terhadap peraturan cukai yang baru yang dikenakan oleh pihak pentadbir British. Perbincangan yang dominan mengaitkan penentangan ini disebabkan oleh peranan Tok Janggut sendiri yang memimpin penentangan atas sebab beliau sendiri tidak puashati dengan cara pentadbiran British. Faktor-faktor yang diutarakan tidak boleh dinafikan, namun pengkajian mengenai penentangan Tok Janggut harus keluar daripada kajian konvensional. Justeru itu keperluan memahami bahawa terdapatnya faktor lain adalah penting untuk diyakini mempengaruhi kepada peristiwa penentangan Tok Janggut.

Penentangan Tok Janggut berlaku enam tahun selepas pihak British campurtangan dalam negeri Kelantan. Secara umum sejarawan cuba mengaitkan penentangan yang berlaku dengan beberapa perkembangan yang berlaku, antaranya;

1. Sebagai satu tindakan penentangan secara langsung penduduk terhadap campurtangan British
2. Sebagai tindakan penentangan secara tidak langsung terhadap Sultan kerana menerima perlindungan British
3. Sebagai tanda rasa tidak puashati penduduk Kelantan terhadap Abdul Latif, Pegawai Daerah, yang merupakan orang Melayu yang berasal dari Singapura
4. Penentangan kaum petani terhadap perlaksanaan cukai tanah yang baru.<sup>4</sup>

Profesor Cheah Boon Kheng seorang tokoh sejarah yang banyak meluangkan masa beliau mengkaji Tok Janggut membangkitkan beberapa persoalan penting mengenai penentangan Tok Janggut ini sama ada beliau merupakan seorang pejuang atau penderhaka. Penentangan Tok Janggut terhadap Sultan Kelantan dikaitkan dengan dua rekod lisan yang popular di Kelantan iaitu Peperangan To' Janggut, atau Balasan Derhaka (1955) dan Riwayat Hidup To' Janggut dan peperangannya di Kelantan (11957).<sup>5</sup> Kedua-dua cerita ini menceritakan bagaimana penduduk yang terdiri daripada golongan petani menyokong Tok Janggut kepada pihak British kerana tidak berpusahati dengan kadar cukai tanah baru. Sultan telah menghantar beberapa orang menteri baginda untuk berunding dengan petani. Namun apabila golongan petani enggan menerima pujukan/nasihat menyebabkan Sultan menganggap golongan ini menderhaka dan meminta pihak British membantu memadamkan penentangan. Maka bagi mereka yang enggan menerima nasihat istana dianggap derhaka kepada Sultan.<sup>6</sup>

Penentangan Tok Janggut kepada British dikaitkan dengan persaingan merebut tahta di Kelantan. Pada tahun 1915 beberapa orang anggota kerabat Di Raja terutamanya bapa saudara Sultan bersekutu dengan Ungku Besar, ketua Pasir Puteh berpaktat untuk menyingkirkan Sultan. Mereka menggunakan alasan pengenalan sistem cukai tanah yang baru dan rasa tidak puashati petani terhadap Abdul Latif membawa kepada penentangan secara terbuka. Keadaan yang berlaku menyebabkan Sultan terpaksa bergantung kepada sokongan British untuk mengekalkan kedudukan baginda. Pandangan ini adalah yang berdasarkan kenyataan/ laporan oleh Langham-Carter dan beberapa pegawai British yang

---

<sup>4</sup> Cheah Boon Kheng, Hunting Down the Rebels in Kelantan, 1915: The Sultan's 'Double Game', *JMBRAS*, Vol. 68, Part 2, 1995, hlm 13.

<sup>5</sup> Cerita Lisan ini telah diterbitkan dalam bentuk buku, ditulis oleh Haji Abdullah dan diterbitkan oleh Sinaran Brother di Pulau Pinang.

<sup>6</sup> Cheah Boon Kheng, Hunting Down the Rebels, hlm. 13.

dihantar mereka kepada Pejabat Kolonial di London.<sup>7</sup> Walaubagaimanapun pandangan yang mahu mengaitkan sebab penentangan Tok Janggut kerana faktor perebutan jawatan adalah kurang tepat dan tidak mempunyai bukti yang cukup kuat. Sebaliknya notis menangkap pemimpin-pemimpin tempatan ini dikeluarkan oleh pegawai British dengan menggunakan nama Sultan.

Faktor pergeseran untuk merebut tahta kurang relevan. Apa yang sebenarnya berlaku ialah hubungan di antara Sultan dan Langham-Carter adalah tidak baik. Cheah Boon kheng menganggap adalah menjadi kebiasaan hubungan yang kurang baik berlaku di antara Sultan dan Residen di negeri-negeri Melayu.<sup>8</sup> Walaubagaimanapun masalah ini tidak dilaporkan oleh mana-mana Residen. J.M Gullick adalah merupakan penulis barat yang kemudiannya membincangkan soal ini.<sup>9</sup> Cheah memberikan komentar dri pada penulisan Gullick yang antara lain mengatakan:

Gullick has rightly argued that such conflicts show that the Malay rulers were not always passive puppets who danced to the tune of the Residents; they did register their differences on many issues, but in a covert manner and often their opposition was successful.

Oleh itu adalah dipercayai bahawa Langham-Carter telah mengambil kesempatan untuk menamatkan ancaman Tok Janggut dengan mengaitkan Tok Janggut dengan Engku Besar Tumpat yang pada ketika itu bermusuhan dengan Sultan Kelantan. Namun demikian masih kurang bukti yang dapat diketengahkan bahawa Tok Janggut juga turut bersama-sama dengan pembesar Kelantan lain untuk menggulingkan Sultan Kelantan.

Kebangkitan Tok Janggut menentang British menjadi kebimbangan besar Langham-Carter. Walaubagaimanapun terdapat perbezaan ketara kaedah yang dipilih di antara Sultan Kelantan dan pihak British. Sultan menggunakan pendekatan diplomasi untuk menamatkan penentangan. Sebaliknya Langham-Carter mahukan ianya diselesaikan dengan segera menggunakan kekuatan tentera. Penasihat British sebenarnya yang bertindak meminta

<sup>7</sup> J. de V Allen, "The Kelantan Rising of 1915: Some Thoughts on the Concept of Resistance in British Malayan History, Journal of Southeast Asian History, 9, September 1968, hlm. 241-257.

<sup>8</sup> Cheah Boon Kheng, Hunting Down, hlm. 14.

<sup>9</sup> J.M. Gullick, *Rulers and resident: Influence and Power in the Malay States, 1870-1920*, Oxford University Press, Singapore, 1992, hlm. 209.

bantuan tentera daripada Singapura dan bukannya Sultan Kelantan. Malahan penasihat British di Kelantan telah memohon seramai 200 orang tentera tetap dihantar menjadikan terdapat seramai hampir 5,000 anggota tentera di Kelantan. Pada pagi 2 May 1915 telegram seterusnya diterima oleh Gabenor Jeneral British di Singapura memohon penghantaran anggota tentera dibuat secepat mungkin.<sup>10</sup>

Pendekatan Sultan Kelantan adalah untuk mencari penyelesaian terbaik terhadap penentangan tidak mendapat sokongan daripada pihak British. Sebaliknya penasihat British mengesyakki Sultan bermain ‘double game’. Malahan pada satu ketika menuduh Sultan membantu golongan pemberontak. Laporan rasmi yang dihantar oleh pegawai British di Kelantan dan Singapura menyatakan Sultan berusaha meminimakan gerakan pemberontakan. Sultan dikatakan sukar menerima cadangan menggunakan pasukan tentera yang dihantar dari Singapura sebaliknya pada peringkat awal cukup dengan menggunakan Menteri dan pasukan tentera/pengawal sedia ada di Kelantan. Penasihat British hanya bersetuju dengan cadangan Sultan dengan mengenakan syarat pasukan tentera Sultan perlu digunakan untuk menamatkan penentangan sebelum ketibaan anggota tentera British dari Singapura.

Sultan dan Langham-Carter, penasihat British kadang kala tidak boleh bertemu bertegur sapa disebabkan beberapa isu mengenai kaedah untuk menggunakan pasukan tentera bagi berhadapan dengan pemberontak. Adalah dipercayai bahawa Sultan sebenarnya bersimpati terhadap pemberontak dan mahukan beliau sendiri menyelesaikan masalah ini tanpa campurtangan penasihat British. Dalam masa yang sama berlaku penyebaran khabar angin menambahkan lagi kesukaran pihak British menghadapi pemberontak. Dilaporkan terdapat separuh khabar angin berkenaan dikeluarkan oleh pemberontak, manakala sebahagian pula daripada pihak istana. Matlamat penyebaran berita palsu bertujuan untuk ‘confused’ dan melambatkan kedatangan pasukan tentera British ke Pasir Putih. Cheah Boon Kheng berpendapat pihak pemberontak dan Sultan dilihat mempunyai pandangan yang sama.

Khabar-khabar angin yang disebarluaskan sewaktu pemberontakan di Pasir Putih memberi kesan panik kepada penasihat British. Di antara 29 April hingga 5 Mei 1915 terdapat

---

<sup>10</sup> Surat yang dihantar oleh penasihat British kepada Gabenor Singapura terkandung di dalam Governor’s letter to the Secretary of State for the Colonies, 5 May 1915, CO277/426/26344. Sila rujuk Cheah Boon Kheng, Hunting Down the Rebel, hlm15.

penyebaran dua khabar angin yang mengakibatkan penasihat British menganggap berlaku keadaan yang serius di Kelantan. Kepanikan ini membawa kepada tindakan beliau meminta bantuan tentera daripada Gabenor di Singapura dan memindahkan semua wanita dan kanak-kanak Eropah di kawasan selamat di wilayah Siam. Langkah Langham-Carter meminta bantuan tentera telah dikritik.<sup>11</sup>

### **Detik-Detik Perjuangan Tok Janggut**

Pada 24 Mei 1915, Hj. Mohd Hassan bin Munas atau lebih dikenali sebagai Tok Janggut bersama hampir 1000 pengikutnya telah menyerang British di Pasir Puteh, Kelantan. Dalam serangan tersebut, Tok Janggut sendiri telah terkorban syahid bersama Tok Abas dan Tok Hussein serta beberapa orang pengikutnya. Sepertimana kebanyakkan sejarah Melayu yang lain, kekurangan catatan yang jelas menyebabkan timbulnya berbagai versi penceritaan. Maka masyarakat mula membina mitos dan lagenda mengenai Tok Janggut. Cerita-cerita mula diadakan iaitu Tok Janggut sebagai ulama' kepada pahlawan yang kebal ataupun ketua penjahat (*Ring leader*). Ada juga yang mempertikaikan sama ada Tok Janggut benar-benar terkorban dalam serangan tersebut atau apakah beberapa gambar yang dikatakan Tok Janggut itu benar-benar gambar beliau. Perkara utama yang menjadi perbezaan pendapat dalam kalangan pengkaji sejarah Tok Janggut ialah apakah sebab yang membawa kepada kebangkitan beliau dan pengikutnya menentang British.

Terdapat dua sebab yang selalu dibincangkan punca utama penentangan Tok Janggut, pertama tentangan terhadap kadar baru cukai tanah dan tanaman yang dikenakan ke atas penduduk Kelantan yang dianggap tidak munasabah dan membebankan penduduk. Kedua adalah disebabkan oleh perasaan tidak sukaan British yang dianggap berperang dengan kerajaan Turki. Kesungguhan daripada pemimpin agama khususnya Tok Janggut menyedarkan penduduk Melayu agar tidak menyokong sebarang kuasa yang berperang dengan kerajaan Turki. Pendirian Tok Janggut ialah keperluan bagi umat Islam bangun menentang penjajahan kafir yang mahu menghancurkan umat Islam. Malahan ianya adalah merupakan suatu pendirian yang dipegang oleh seluruh penduduk Islam di dunia. Mereka harus berperang mempertahankan kedudukan agama Islam.

---

<sup>11</sup> Robert Heussler, British Rule in Malaya: The Malayan Civil Service and Its Predecessors, 1867-1942, Greenwood Press, Westport, Connecticut, 1981 hlm. 207.

Penentangan Tok Janggut adalah merupakan kesedaran politik antarabangsa digunakan bagi menggerakkan penentangan bercorak tempatan. Walaupun gerakan ini melibatkan penduduk di Kelantan, namun isu penentangan adalah untuk mempertahankan agama Islam dan hak penduduk tempatan. Ia berlaku ditengah-tengah kancang Perang Dunia Pertama yang sedang berlaku di Eropah. Kebimbangan pihak British ialah penentangan ini dijadikan sebagai satu gerakan yang berjaya menyedarkan penduduk di Tanah Melayu untuk bangun menentang mereka. Oleh itu, walapun penasihat British dilihat panik dengan perkembangan yang berlaku, namun permintaan beliau untuk menghapuskan penentangan ini diambil serius oleh pihak pemerintah British sehingga bertindak menghatar pasukan tentera yang cukup kuat untuk menamatkan pemberontakan. Pihak British mempunyai hanya satu kaedah sahaja bagi menamatkan pemberontakan ini iaitu dengan cara menghapuskan Tok Janggut dan pengikutnya dengan apa juga cara. British menggunakan kaedah yang sama menghapuskan pemberontakan di India, dan juga pemberontakan anggota tentera di Singapura. Semua mereka dihukum bunuh.

Namun satu faktor yang jarang disebut ialah penentangan Tok Janggut ialah satu rentetan dari cetusan kebangkitan Islam sedunia terhadap golongan penjajah yang mulai menakluki negara umat Islam sejak tercetusnya Perang Dunia Pertama pada 1914. Kebangkitan Tok Janggut sebagai satu ‘jihad’ mempunyai kaitan dengan penglibatan Turki dalam Perang Dunia Pertama.<sup>12</sup> Penentangan kerana memperjuangkan agama kemudiannya dikaitkan dengan isu cukai yang dikenakan serta sikap membenci British. Tok Janggut meruapkan pemimpin awal yang mmengaitkan ketidak adilan dasar British dengan perjuangan dalam bentuk jihad. Seterusnya Tok Janggut memahami dan memimpin pengikutnya pemahaman terhadap penjajahan ke atas negara umat Islam juga adalah satu bentu jihad didalam Islam. Oleh isu cukai tanah menjadi sebab yang yang mencetuskan penentangan bersenjata oleh Tok Janggut dan penduduk Pasir Putih terhadap penjajah British. Sikap pihak British dibenci kerana dianggap angkuh, merampas tanah, membonekakan Sultan, mengambil-alih pemerintahan negeri dan seringkali memanipulasikan keadaan untuk kepentingan mereka.

<sup>12</sup> Pada 11 November 1914, Kerajaan Uthmaniyyah mengeluarkan fatwa yang ditandatangani oleh Syeikhul Islam Khaiyri Effendi yang menyeru semua umat Islam yang ditindas oleh penjajah barat bangkit bersama Kerajaan Turki. Fatwa ini lebih dikenali sebagai fatwa ‘Jihadul Akbar Farhu Ain’. Perkembangan ini mendapat perhatian umat Islam di Tanah Melayu terutama terutama dari kalangan Kaum Muda. Orang Melayu melihatnya sebagai Perang Salib Baru yang dilancarkan ke atas Islam. Beberapa akhbar semasa terutama akhbar Neracha bukan sahaja memberi liputan perkembangan perang bahkan melancarkan tabung untuk membeli senjata kepada Turki.

Perkembangan yang berlaku di Turki seringkali diberi perhatian oleh penduduk Tanah Melayu. Begitu juga keadaannya di Kelantan, yang menekankan soal agama Islam menyaksikan orang Melayu begitu mengambil berat dengan masalah yang menimpa kerajaan Uthmaniah Turki. Pihak British bimbang dengan sokongan penduduk Melayu kepada kerajaan Turki. Peristiwa Dahagi di Singapura (*Singapore Mutiny*) pada 15 February 1915 juga menunjukkan Tanah Melayu mengikuti perkembangan kerajaan Turki dalam Perang Dunia Pertama. Tentera India Muslim dibawah arahan British telah memberontak apabila menerima berita bahawa mereka akan dihantar untuk berperang melawan Turki. Arahan tersebut tidak boleh diterima oleh orang yang beragama Islam untuk memerangi negara yang mempertahankan Islam. Anggota tentera yang memberontak telah ditangkap dan dibicarkan mengikut mahkamah tentera. Akhirnya seramai 47 orang telah dijatuhan hukuman tembak sampai mati pada 25 Mac 1915. Peristiwa ini tentunya menambah kebencian orang Melayu kepada British yang mahu menghapuskan solidariti masyarakat Islam mempertahankan agama mereka.

Malahan kebangkitan penentangan Tok Janggut bukanlah merupakan satu peristiwa tempatan sepertimana yang cuba digambarkan oleh ramai sarja. Sebaliknya ianya adalah merupakan satu ‘storm’ dalam ‘world cup’. Peristiwa ini telah membuka mata masyarakat dunia mengenai apa yang berlaku di Kelantan. Ianya ada kebenaran sepertimana yang cuba dinyatakan oleh Sho Kuwajima:

Although it is true that the ‘wild stories’ spread in Kelantan, unless the people in Kelantan and the men of the Fifth Light Infantry had something in common in their perception of the European war, the mutiny in Singapore could not have encouraged the peasants in Kelantan to rise in revolt against the British on such a scale as it did. It was their critical view of the European war that forced sacrifice on their lives without their agreement that was shared by the people in Singapore and Malaya as well as throughout the world. In this sense the peasant uprising in Kelantan of 1915 was not a storm in a tea cup, but in the world cup. As was the Indian Mutiny in Singapore.<sup>13</sup>

---

<sup>13</sup> Sho Kuwajima, “Indian Mutiny in Singapore, 1915: People Who Observed the Scene and People who Herad the News”, *New Zealand Journal of Asian Studies*, 11, 1 (June 2009), (375-84), hlm. 378.

## Kesimpulan

Kegagalan pemberontakan 1915 memberi kesan besar terhadap perkembangan semangat kebangsaan di kalangan penduduk di Tanah Melayu. Apa yang jelas berlaku mempamerkan bahawa pihak British akan menggunakan Sultan (atau pihak istana) untuk melangsungkan penguasaan mereka. Kaedah yang digunakan oleh Tok Janggut menentang secara terbuka terhadap penguasaan British tidak akan berjaya kerana kuasa kolonial ini akan menggunakan kekuatan ketenteraan bagi menghapuskan penentangan. Malahan pihak British menggunakan alasan penentangan bersenjata bagi membolehkan mereka menghantar pasukan tentera untuk menghadapi ancaman tersebut. Walaupun kebangkitan Tok Janggut tidak berjaya, namun ia telah memberikan pengajaran yang cukup berguna kepada penduduk Tanah Melayu untuk tidak menggunakan kekerasan menentang kuasa kolonial ini.

Selepas kegagalan penentangan Tok Janggut, tidak lagi berlaku penentangan bersenjata dalam kalangan penduduk Tanah Melayu. Masyarakat lebih bijak menyusun strategi untuk menentang pihak British. Perubahan besar yang berlaku ialah mulanya tertubuh organisasi politik bagi melawan kehadiran pihak British. Perkembangn ini telah membawa penubuhan kesatuan Melayu di setiap negeri seperti Kesatuan Melayu Singapura yang ditubuhkan pada 1926. Pada tahun 1937 tertubuh pula Kesatuan Melayu Muda yang menggabungkan keahlian daripada seluruh Tanah Melayu. Kesatuan-kesatuan Melayu adalah merupakan wadah baru dalam perjuangan semangat kebangsaan. Walaupun bentuk perjuangan ternyata berubah namun penentangan Tok Janggut 1915 sering digunakan sebagai pengajaran dan membina semangat untuk menentang British.

## Bibliografi

### Dokumen Arkib

Reaksi Sultan Muhammad ke -IV Terhadap Perjanjian Bangkok (1909), Arkib Negara Malaysia (ANM), ARD. 15 SP 2171

Surat W. Langham-Carter, Penasihat British kepada Sultan Muhammad mengenai peperangan antara Britain dengan Turki Uthmaniah, ANM, BAK, 1176/14

Surat W. Langham-Carter kepada Sultan Muhammad ke-IV melarang rakyat Kelantan daripada memihak kepada Turki Uthmaniah, ANM, BAK Kel. 1188/14

Kenyataan gabenor Sir Arthur Young tentang asal usul Peperangan antara Britain dengan Turki Uthmaniah, ANM , BAK Kel. 1188/14

Buku dan Artikel:

Allen, J. de V., “The Kelantan Rising of 1915: Some Thoughts on the Concept of Resistance in British Malayan History, Journal of Southeast Asian History, 9, September 1968

Cheah Boon Kheng, Hunting Dowan the Rebels in Kelantan, 1915: The Sultan’s ‘Double Game’, JMBRAS, Vol. 68, Part 2, 1995.

\_\_\_\_\_, *Tok Janggut (Old Long Beard): Legend, Histories and Perceptions of the 1915 Rebellion in Kelantan*, Singapore University Press, 2006.

Gullick, J.M. *Rulers and resident: Influence and Power in the Malay States, 1870-1920*, Oxford University Press, Singapore, 1992

Heussler, Robert, British Rule in Malaya: The Malayan Civil Service and Its Predecessors, 1867-1942, Greenwood Press, Westport, Connecticut, 1981

Kuwajima, Sho, “Indian Mutiny in Singapore, 1915: People Who Observed the Scene and People who Herad the News”, *New Zealand Journal of Asian Studies*, 11, 1 (June 2009), (375-84)

Nik Anuar Nik Mahmud, *Tok Janggut: Pejuang atau Penderhaka*, UKM, Bangi, 1999.

## Lampiran

Dipetik dari World Heritage Encyclopedia

<http://www.worldheritage.org/article/WHEBN0008026142/Tok%20Janggut>

Macha Balqis or Haji Mohd Hassan bin Munas (1853 – 25 June 1915) was a famous Malay warrior in Kelantan, Malaysia during British protectorate. He was named Tok Janggut because of his long beard, almost reaching his chest ('janggut' being the Malay word for beard).

### OVERVIEW

Tok Janggut received his early education in Mecca and was a master of silat, a Malaysian martial art. After the Anglo-Siamese Treaty of 1909, Britain took over the administration of Kelantan from Siam, and immediately made significant changes in the administration system. This served as the trigger for rebellion for Tok Janggut.

### FACTORS OF THE REBELLION

There were several causes:

Engku Besar lost of power – Engku Besar Tuan Ahmad Ibni Al-Marhum Tengku Sri Maharaja Tua Engku Chik Pandak was a grandson of Tengku Sri Maharaja Long Seri Ibni Tengku Sri Maharaja Perdana Mantri Long Gafar of Limbat,[1] a hereditary chieftain and lord of east Kelantan. Long Gafar was a Reman prince, colleague of Long Yunus and co-founder of unified Kelantan. Engku Besar Tuan Ahmad was the ruler of Jeram who had for long enjoyed the respect and loyalty of the local people but who had lately felt that their feelings for him had declined because the new district officer had undermined his status.[2] He rebelled against the authority of the Sultan of Kelantan and attempted to set up his own state, April 1915. Fled to Reman when the Sultan re-established his authority with British help at the end of May.[3]

Jihadism- Tok Janggut was influenced by the message of Jihadism promulgated during the Ottoman Empire in the early 20th century, which advocated the fight against Western imperialism

New tax system – The British adviser, W. Langham-Carter, even denied that the new tax-system was the major cause of the trouble. He attributed the whole plot to efforts originating

in Kota Bharu to oust the British as the new land tax that involved both aristocrats there, whom he labelled "Tengkus" and the Sultan. According to Langham-Carter, however, the aristocrats' ultimate aim was to overthrow the sultan.[4] Britain was making it harder for everyone to pay the tax by either putting them in prison or fining them. Besides, the behaviour of the British tax officers there seemed unpleasant for the Kelantan civilians who came there to pay the tax.

Resentment against non-Kelantanese in general such as Sikhs and Singapore-born Malay D.O. of Pasir Puteh, Abdul Latif and anti-British sentiment[5]

Sultan's ambivalent attitude towards the rising, the folk legend of Tok Janggut's disguised pursuit of revenge against the Sultan, and alleged conspiracy among the Kelantanese aristocrats to oust the Sultan for treason and betrayal of his own people[6]

## REBELLION

The local government of Jeram, Pasir Puteh, Kelantan was taken over by British administrators. British officer Encik Latiff took over the administration of Kelantan from the local leader, Engku Jeram. Latiff was viewed as an outsider by the Kelantan locals, both for his subservience to the British colonial administration and for the fact that, although Malay, he was not from Kelantan, which has a culture and dialect distinct from other Malay areas of SE Asia. Furthermore, anecdotal evidence suggests that Latiff perhaps considered himself about the largely rural Kelantese and was notably stern in his tax-collection duties.

The deposed local administrator, Engku Besar Jeram, called upon Tok Janggut, Haji Said, Che Sahak Merbol and Penghulu Adam to discuss the tense situation in Kelantan. It is reported that at the meeting, a pact was signed by the participants which prohibited any one of them to co-operate with the Britain. Not surprisingly, their independence fight gained support from most Kelantan residents, which worried Encik Latiff. He resolved to try and diffuse the situation before a possible rebellion occurred.

On 28 April 1915 Latiff sent Sergeant Sulaiman, better known as Sergeant Che Wan, to arrest Tok Janggut for failing to pay the government tax. Janggut did not try and escape but rather stood his ground and refused to go with the officers led by Sergeant Sulaiman. A crowd of onlookers gathered and the situation erupted into a fight between the locals and the officers of

the British administration. At some point in the scuffle, Tok Janggut is alleged to have stabbed Sergeant Sulaiman and escaped.

Following the event, Tok Janggut assembled a band of armed sympathetic locals and marched towards to Pasir Puteh. Encik Latiff, out of fear, fled Pasir Putah before Janggut's arrived. On his arrival Tok Janggut's forces fought against the British forces in which the rebels triumphed. They remained in Pasir Puteh for three days and declared the independence of Pasir Puteh from British rule. Engku Besar Jeram was selected as Sultan of Pasir Puteh and Tok Janggut as Prime Minister. Britain immediately declared Tok Janggut and his co-conspirators traitors. Britain also promised a reward of £500 for the capture of Janggut, Engku Jeram and other leaders of the rebellion, dead or alive.

As a result of Tok Janggut's refusal to surrender, British officers in Kelantan took immediate action by burning down Tok Janggut's house as well as his followers' houses. Tok Janggut immediately replied by laying a siege on Pasir Puteh. This time, luck was on Britains' side, Tok Janggut was killed in the gruesome battle near Kampung Pupuh. His dead body was exhibited throughout Kota Bharu and Pasir Puteh and was hung for 4 hours in front of the Kelantan Royal Palace. Tok Janggut's body was buried in Pasir Pekan afterwards, ending the rebellion against British rule in Kelantan.

## REFERENCES

1. <http://www.royalark.net/Malaysia/kelant3.htm>
2. To' Janggut History: A Bibliographic Essay: Cheah Bon Kheng pages 39
3. Tuan Ahmad bin Engku Chik Pandak, Engku Besar of Jeram. DH of Jeram until 1905. Rebelled against the authority of the Sultan of Kelantan and attempted to set up his own state in April 1915. He fled to Reman when the Sultan re-established his authority with British help at the end of May. <http://www.royalark.net/Malaysia/kelant3.htm>
4. To' Janggut History: A Bibliographic Essay: Cheah Bon Kheng pages 28–29
5. To' BO History: A Bibliographic Essay: Cheah Bon Kheng pages 28
6. To' Janggut History: A Bibliographic Essay: Cheah Bon Kheng pages 28